



# كمترين كبود ايأن بليادان سوکن

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



كوڠگريس بليا كبغسائعن

**Kongres Belia  
Kebangsaan 2019  
Brunei Darussalam**

bersama  
mencorakkan  
masa hadapan  
kita

16-17 Jun 2019

Pusat Persidangan  
Antarabangsa  
Berakas

# KBK2019

Bersama Mencorakkan  
Masa Hadapan Kita

## Isi Kandungan

- |    |  |
|----|--|
| 04 | Sekapur Sireh Yang Berhormat<br>Menteri Kebudayaan, Belia dan<br>Sukan |
| 06 | Kata Alu Aluan   |
| 08 | Kertas Kerja   |
| 13 | Jadual Harian  |
| 17 | Penceramah Undangan  |
| 24 | Jawatankuasa Tertinggi   |
| 27 | Ucapan Penghargaan dan<br>Terima Kasih                                 |
| 28 | Rakan Strategik dan Penaja   |

# Sekapur Sireh

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh



**YANG BERHORMAT  
MEJAR JENERAL (B) DATO PADUKA SERI HAJI AMINUDDIN IHSAN BIN  
PEHIN ORANG KAYA SAIFUL MULOK DATO SERI PADUKA HAJI ABIDIN**  
Menteri Kebudayaan, Belia Dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam

# KBK 2019

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya juga maka Kongres Belia Kebangsaan kali kedua dapat diungkayahkan pada tahun ini setelah ia dilangsungkan buat julung kalinya pada tahun 2008.

Belia adalah generasi harapan bangsa dan negara untuk masa kini dan masa akan datang. Majunya sebuah negara bergantung kepada keupayaan, kesanggupan, kebolehan dan ketekunan belia dalam menanai dan sama-sama memikul tanggungjawab membangun bangsa dan negara serta menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Dewasa ini, dunia berhadapan dengan pelbagai cabaran yang hebat seperti ketidakpastian dalam pertumbuhan ekonomi global, globalisasi dan revolusi Industri ke-4 yang setentunya mempengaruhi cara hidup, kerja dan masa depan kita. Ini adalah cabaran genting yang dihadapi oleh para belia kita. Oleh yang demikian, belia kita perlulah dibangunkan agar mereka bersiap siaga masa depan dan dapat menyumbang secara proaktif kepada kemajuan diri, bangsa dan negara.

Dalam konteks inilah Kongres Belia Kebangsaan dilaksanakan sebagai wadah bagi belia mengongsikan pemikiran yang berasas dan solusi kepada cabaran semasa dan akan datang. Justeru itu, tema kongres kali ini "Bersama Mencorakkan Masa Hadapan Kita" adalah bertepatan dan mencerminkan hasrat negara agar belia berani tampil ke hadapan bagi sama-sama menyumbang cabaran dan menjadi agen perubahan pembangunan belia dan negara. Tiga topik utama yang dinilai sebagai memainkan peranan penting dalam kehidupan harian belia akan dibincangkan dalam kongres kali ini. Ketiga-tiga perkara itu ialah Belia Siaga Masa Depan, Penglibatan Belia dan Keusahawanan.

Oleh itu, saya menasihatkan kepada para belia agar dapat merebut peluang keemasan ini dalam sama-sama menyumbangkan pemikiran yang berasas bagi menangani ketiga-tiga isu belia ini. Saya percaya dengan adanya penyertaan yang aktif dan inklusif ini akan dapat menghasilkan resolusi kongres yang lebih mantap dan boleh diterima pakai bagi merancang program dan aktiviti pembangunan belia yang lebih relevan dan berimpak tinggi pada masa akan datang.

Akhir kata, saya dengan berbesar hati ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa, rakan-rakan strategik dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Kongres Belia Kebangsaan 2019 pada kali ini. Semoga kongres ini akan berjalan dengan sempurna dan jayanya serta menghasilkan impak yang dihasratkan, Insha-Allah.

# Kata Alu Aluan



**YANG MULIA**

**PENGIRAN MOHD AMIRRIZAL BIN PENGIRAN HAJI MAHMUD**  
Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Kongres Belia Kebangsaan 2019 adalah merupakan satu program yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mewujudkan platform kepada belia-belia dalam menyumbangkan buah fikiran dan pendapat dalam sama-sama menghasilkan resolusi-resolusi yang dapat digunakan ke arah menangani cabaran pembangunan belia masa kini dan masa depan.

Sesuai dengan tema Kongres kali ini "Bersama Mencorakkan Masa Hadapan Kita", belia kita telah diberikan peluang sepenuhnya bukan sahaja sebagai peserta malah sebagai rakan strategik Kementerian ini untuk tampil ke hadapan bagi sama-sama menerajui pelaksanaan kongres ini. Penglibatan Majlis Belia Brunei, Youth Entrepreneurs Association Brunei, Guild of Graduates Universiti Brunei Darussalam, Generasi Berkarih, Al Huffaz, Mixed Media Worx, KESAN dan Big BWN adalah bertepatan dengan masanya dan mencerminkan peningkatan kemampuan dan kesediaan para belia kita untuk sama-sama mengalas tanggungjawab yang lebih besar dan menyumbang secara proaktif kepada menggerakmajukan agenda pembangunan belia demi masa depan belia yang cemerlang.

Alhamdullilah Kongres Belia Kebangsaan kali ini juga telah berjaya menarik lebih ramai penyertaan belia dari pelbagai latar belakang kumpulan yang terdiri dari golongan profesional muda dari sektor awam dan swasta; ahli-ahli yang aktif di dalam Majlis-Majlis Pelajar di institusi-institusi pendidikan, pergerakan-pergerakan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO); lepasan graduan dan pencari-pencari kerja; penuntut-penuntut yang mencapai kecemerlangan di dalam bidang akademik dan ko-kurikulum dan termasuk golongan individu berkeperluan khas. Diharapkan dengan adanya penyertaan yang lebih inklusif ini, kongres ini akan dapat menghasilkan resolusi yang mantap dan luas ke arah menangani cabaran yang dihadapi oleh pelbagai belia dalam tiga isu utama yang diketengahkan pada kali ini.

Dalam pada itu, saya juga berharap dan menyeru belia-belia yang menghadiri kongres ini nanti untuk merebut peluang yang ada dengan berinteraksi dan aktif menyuarakan pendapat serta pandangan yang membina terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan dan diketengahkan serta mengambil ilmu hasil perkongsian sepanjang kongres ini berlangsung nanti.

Akhirnya dalam kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para penaja yang telah memberikan sumbangan dalam sama-sama menjayakan kelangsungan Kongres Belia Kebangsaan 2019 kali ini. Saya juga tidak lupa mengucapkan tahniah dan syabas kepada Ahli Jawatankuasa Kongres Belia Kebangsaan 2019, yang telah bekerja keras dalam memastikan kelancaran dan kejayaan Kongres Belia Kebangsaan 2019 ini.

Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullah Wabarakatuh

# Kertas Kerja

## Kongres Belia Kebangsaan 2019

### 1. PENDAHULUAN:

1.1. Belia adalah komponen penting dalam usaha ke arah pembangunan negara yang juga merupakan "stakeholder" yang dinamik untuk survival bangsa dan negara. Selaras dengan Wawasan Brunei 2035 yang turut membangkitkan belia sebagai komponen utama ke arah mencapai matlamat wawasan ini.

1.2. Sebelum ini, Kongres Belia Kebangsaan telah julung kali diadakan pada tahun 2008 yang mana telah tertumpu kepada isu-isu kepimpinan, pengurusan belia, pengangguran belia, keusahawanan, program-program belia yang relevan untuk menarik minat belia terlibat dalam pergerakan belia. Lima isu telah dibincangkan semasa kongres tersebut iaitu Belia dan Kepimpinan, Belia dan Masyarakat, Pekerjaan dan Latihan, Peranan NGO's dalam Pembangunan Belia dan Negara, dan Peluang Keusahawanan di kalangan Belia.

1.3. Pada kali ini dan sebagai langkah pembaharuan, Kongres Belia Kebangsaan 2019 akan difokuskan kepada tiga perkara utama (main concerns) yang dipandang memainkan peranan paling signifikan dalam prospek kehidupan sehari-hari para belia pada ketika ini yang mana adalah berdasarkan kepada penemuan awal (preliminary findings) hasil daripada kaji selidik mengenai rebiu Dasar Belia Negara yang dilaksanakan oleh Centre for Strategic and Policy Studies (CSPS) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan sample seramai 3000 orang belia pada bulan Disember 2018 sehingga Januari 2019. Ketiga-tiga perkara berkenaan yang mana juga akan dijadikan sebagai topik-topik perbincangan utama iaitu Belia Siaga Masa Depan, Penglibatan Belia dan Keusahawanan.

### 2. MATLAMAT:

Matlamat utama Kongres Belia Kebangsaan diadakan pada kali ini adalah seperti berikut:

2.1 Mengongsikan penemuan awal terhadap kajian dan usaha pengemaskinian Dasar Belia Negara termasuk strategi-strategi teras (core strategies) bagi pembangunan belia secara mapan yang mana disasarkan untuk dilancarkan semasa sambutan Hari Belia Kebangsaan pada 1 Ogos 2019.

2.2 Menjadi wadah bagi belia untuk mengongsikan pendapat serta keresahan golongan belia secara berstruktur dalam sama-sama menyumbangkan buah fikiran bersama dengan penggubal dasar terhadap cadangan jalan penyelesaian cabaran pembangunan belia ke arah mencapai WAWASAN NEGARA 2035; dan

2.3 Resolusi-resolusi yang dikemukakan akan diselaraskan dengan strategi-strategi teras (core strategies) di dalam Dasar Belia Negara agar ianya benar-benar memenuhi hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia agar apa-apa jua usaha yang dilakukan hendaklah menggunakan kaedah 'Whole of Nation'.

2.4 Hasil dapatan kongres ini ialah untuk menghasilkan beberapa resolusi yang dipersetujui oleh kalangan belia yang hadir. Perkara-perkara yang diutarakan akan menggariskan beberapa solusi secara terperinci, strategik dan bermakna terhadap keprihatinan/kemaslahatan yang ditimbulkan oleh para belia.

### 3. FORMAT & PENYERTAAN:



Kongres Belia Kebangsaan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu: (i) Penyertaan Forum dan (ii) Penyertaan Bengkel dengan melibatkan keramaian belia dijangkakan seramai 500 orang berdasarkan pembahagian berikut:

#### 3.1 HURAIAN PESERTA KONGRES:

Penyertaan adalah dibukakan kepada belia-belia berumur 15 hingga 40 tahun yang berminat untuk menjadi sebahagian daripada golongan belia yang ingin mengongsikan pendapat serta menyumbangkan buah fikiran bersama dengan penggubal dasar terhadap cadangan jalan penyelesaian cabaran pembangunan belia ke arah mencapai WAWASAN NEGARA 2035. Peserta adalah terdiri daripada:

(1) Profesional-Profesional Muda atau eksekutif-eksekutif muda dari sektor awam dan swasta;

(2) Ahli-ahli yang aktif di dalam Majlis-Majlis Pelajar di institusi-institusi pendidikan.

(3) Ahli-ahli yang aktif di dalam pergerakan Pembimbing Rakan Sebaya dan Pengawas.

(4) Ahli-ahli yang aktif di dalam badan-badan bukan kerajaan (NGO) seperti persatuan-persatuan, belia-belia masjid, perundingan mukim dan kampung dan sebagainya.

(5) Lepasan-lepasan graduan dan pencari-pencari kerja yang ingin menyumbangkan tenaga dan buah fikiran.

(6) Penuntut-penuntut yang mencapai kecemerlangan di dalam bidang akademik dan ko-kurikulum.

(7) Individu berkeperluan khas yang aktif dalam menyumbangkan khidmat dan bakti kepada negara.

#### 4. TOPIK PERBINCANGAN & HURAIANNYA:

Seperti mana digariskan di atas, terdapat tiga topik utama yang akan dibincangkan iaitu Belia Siaga Masa depan (Future Ready Youth), Penglibatan Belia (Youth Participation) dan Keusahawanan (Entrepreneurship). Huraian topik dan matlamat adalah seperti berikut:

## BELIA SIAGA MASA DEPAN

### (Future Ready Youth)

Tajuk: Cabaran negara dalam menghasilkan dan mendukung belia yang pintar-industri, seimbang dan siap siaga masa depan

'Revolusi Industri ke-4' membawa banyak perubahan dan peluang kemajuan. Ianya menerapkan penggunaan teknologi cerdas yang akan mempengaruhi berbagai bidang kehidupan manusia termasuk ekonomi, dunia kerja dan gaya hidup manusia itu sendiri.

Forum ini akan membincangkan peluang dan cabaran yang dihadapi oleh negara dalam merealisasikan matlamat Wawasan Negara 2035 dan juga perkembangan pesat global yang sudah setentunya memerlukan golongan belia yang siap siaga menghadapi tantangan. Di

samping itu, forum ini juga akan membincangkan bagaimana negara dapat meningkatkan usaha untuk melahirkan belia-belia yang pintar industri (industry-smart) dan seimbang yang dapat memanfaatkan peluang yang dibawa oleh inovasi dan teknologi baru. Dalam masa yang sama belia masih perlu dapat mengekalkan nilai-nilai teras kebruneian yang menjadi asas budaya kita.

## PENGLIBATAN BELIA

(Youth Participation)

Tajuk: Kepentingan memperkasa golongan belia sebagai agen perubahan dalam masyarakat melalui penglibatan aktif mereka

Penglibatan belia adalah penting dalam pembangunan negara yang seimbang kepada ekonomi dan sosial. Kunci kepada penglibatan ini adalah pemerksaan belia dengan memberi peluang kepada mereka untuk bersuara dan dilibat sama dalam pelaksanaan matlamat negara.

Forum ini akan membincangkan bagaimana kita dapat mendorong para belia selaku agen perubahan untuk tampil ke hadapan dan menyumbang secara lebih bermakna ke arah pembangunan negara

## KEUSAHAWANAN

(Entrepreneurship).

Tajuk: Keusahawanan: Peluang bagi Belia

Negara melihat peningkatan dari kalangan belia yang aktif dalam bidang perniagaan dan perusahaan dan menjadikan bidang keusahawanan sebagai pilihan kerjaya. Banyak yang telah menceburkan diri dalam perniagaan pada umur yang masih muda dan cuba meraih peluang yang ada di negara ini dan serantau. Masih banyak cabaran yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha muda ini terutamanya dalam usaha mereka untuk menceluri bidang perusahaan yang berdaya maju dan dapat menembusi pasaran tempatan dan antarabangsa.

Forum ini akan membincangkan dan mengupas isu-isu dan peluang yang ada bagi melahirkan pengusaha muda yang inovatif dan berdayatahan. Para panel yang terdiri dari pengusaha-pengusaha muda juga akan mengkongsikan pandangan dan pengalaman mereka.

# Jadual Harian

Tema: Bersama Mencorakkan Masa Hadapan Kita

7.15 pagi	Pendaftaran Kehadiran Jemputan-Jemputan dan peserta.
8.00 pagi	Bacaan Al-Fatihah dan Doa.  Bacaan Al-Quran oleh Yang Mulia Abdul Muin bin Haji Abdul Hamid, Pemenang Qari Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 2019.  Ucapan Perasmian oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.  Ucaptama disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Haji Mas Reduan bin Haji Jumat, Ketua Buhuth, Jabatan Mufti Kerajaan bertajuk "Belia Sebagai Pemimpin Kejayaan Wawasan Brunei 2035".
9.00 pagi	Sesi Forum Pertama 'Belia Siaga Masa Depan'.
10.05 pagi	Sesi Forum Ke-Dua 'Penglibatan Belia'.
11.05 pagi	Sesi Forum Ke-Tiga 'Keusahawanan'.  Rehat tengah hari dan Solat Zohor.
1.30 petang	Sesi Bengkel Parallel (3 kumpulan).
5.30 petang	Sesi bengkel berakhir.

Ahad, 16 Jun 2019 (Hari Pertama)

KBK2019

7.15 malam	Kehadiran Tetamu dan Undangan
7.30 malam	Kehadiran Tetamu Khas  Bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa  Sesi bersama Mrs. Elim Chew, Pengasas the street wear brand, 77th Street, Youth and Social Entrepreneurship Champion, Singapore dengan Tema: "Youth as Game Changer - Promoting Youth Participation and Community Change"  Sesi soal jawab
8.45 malam	Makan Malam  Youth Entrepreneur Talk: (1) Afiq Mohammed, EICO Founder/lead organizer for startup weekend Brunei and ASEAN Ricebowl Startup Awards Brunei.  (2) Nazurah Salleh, Creativate Group Brunei Darussalam
9.00 malam	Penyampaian Cenderamata kepada speaker jemputan dan penceramah
9.30 malam	Selesai

### Ahad, 16 Jun 2019, Majlis Makan Malam (Working Dinner)

8.00 pagi	Kehadiran peserta  Bacaan Al-Fatihah  Sesi Bengkel dimulakan:  Sesi perangkaan dan kongsi sama Resolusi Topik I: Belia Siaga Masa Depan Topik II: Penglibatan Belia Topik III: Keusahawanan
10.00 pagi	Sesi Plenari : Pembentangan Hasil Bengkel  Sesi perangkaan dan kongsi sama Resolusi Topik I: Belia Siaga Masa Depan Topik II: Penglibatan Belia Topik III: Keusahawanan
11.30 pagi	Majlis Makan Tengahari (Working Lunch). Sesi bersama penceramah jemputan Mr. Tony Tan Caktiong, Pengasas dan Pemilik Jolibee Corporations, Philippines dengan Tema: 'Journey to Entrepreneurial success and Making it Big'  Sesi Soal Jawab  Makan Tengahari dan Solat Zuhur
<b>Majlis Penyampaian Resolusi Kongres Belia Kebangsaan 2019</b>	
1.30 petang	Kehadiran Jemputan-Jemputan dan para peserta kongres

KBK 2019

KBK 2019

# PENCERAMAH Undangan



**HAJI MAS REDUAN  
BIN HAJI JUMAT**

Ketua Buhuth  
Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri

Beliau lahir pada 6 Oktober 1968 dan mula berkhidmat pada 8 April 1995. Sebelum beliau menjawat jawatan sebagai Ketua Buhuth, beliau pernah ditempatkan di penempatan sementara bagi lepasan universiti di Jabatan Hal Ehwal Syar'iah, Kementerian Hal Ehwal Ugama pada 8 April 1995 hingga 31 Ogos 1995, Pegawai Penyelidik Ugama di Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri pada 1 September 1995 hingga 31 Disember 2003, Pegawai Penyelidik Ugama Kanan di Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri pada 1 Januari 2004 hingga 18 Jun 2017.

Beliau adalah lepasan dari Universiti Al-Azhar, Mesir berkelulusan Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang dengan pangkat Jayyid (1994) dan Universiti Jordan dan berkelulusan Sarjana Fiqh Wa Ushuluh (2002). Beliau pernah menerima beberapa bintang dan pingat kebesaran Negara Brunei Darussalam.

2.00 petang	Kehadiran Tetamu-Tetamu Khas: 1. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri 2. YB Menteri Pendidikan 3. YB Menteri Pengangkutan dan Info Komunikasi 4. YB Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan 5. YM Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi 6. YM Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama 7. YM Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian  Bacaan Doa dan Surah Al-Fatiyah
2.05 petang	Pembentangan Hasil Bengkel oleh 3 Wakil Peserta:  Topik I: Belia Siaga Masa Depan Topik II: Penglibatan Belia Topik III: Keusahawanan
3.00 petang	Pembentangan dan Penyerahan Resolusi Kongres Belia Kebangsaan 2019 oleh Awang Muhammad Aidil Firdaus bin Haji Jukin, Yang Di-Pertua Majlis Belia Brunei
3.30 petang	Sesi Dialog bersama Tetamu-Tetamu Khas
4.30 petang	Bersurai

Isnin, 17 Jun 2019 (Hari Kedua)

KBK2019

## TONY TAN CAKTIONG

Chairman and Founder of Jollibee Foods Corporation

Tony Tan Caktiong is the Chairman of Jollibee Foods Corporation (JFC), the largest Asian food service company with over 3,900 store worldwide. Under his leadership, the publicly-listed company operates the following brands: Jollibee (Philippines, USA, Canada, other parts of Asia, the Middle East); Greenwich (Philippines); Chowking (Philippines, Middle East; Read Ribbon (Philippines, USA); Mang Inasal (Philippines); the Burger King franchises (Philippines); Yonghe King (China); Jong Zhuang Yuan (China); the Dunkin Donuts franchises (in certain territories of China); Highlands Coffee (Viet Nam, Philippines); Pho 24 (Viet Nam, Indonesia, Cambodia, South Korea, Australia); Hard Rock Cafe (Viet Nam, Macau, Hong Kong). The company also has a 48% interest in 12 Hotpot in China and a 40% interest Smashburger, mostly in the United States.

Mr. Tan Caktiong is also Co-Chairman of Double Dragon Properties Corporation and a Director of First Gen Corporation. He is involved in non-profit work as Chairman of Jollibee Group Foundation and as a member of the Board of Trustees of St. Luke's Medical center and the Temasek Foundation International CLG Limited in Singapore. He is also a member of the Chef Executives' Organization Inc, USA and World Presidents' Organization and is on the International Advisory Board of The Philharmonic Symphony Society of New York, Inc.



## ELIM CHEW

Elim Chew is the founder of the streetwear brand, 77th Street.

Elim Chew is the Founder and President of 77th Street (S) Pte Ltd, a streetwear fashion and accessories retail brand in Singapore. She also cofounded a social impact business – Fast Fast, an app providing fast, on demand delivery services to consumers within 90 minutes, while giving a source of income for people who need it.

With passion in the entertainment industry, she joined as a shareholder of BMBX, a company amplifying Southeast Asia's music and culture. She sits on more than 20 boards and committees of public service, youth and community organizations such as MINDEF (ACCORD), Kaplan Advisory Board and Social Lab Ltd. Elim recently launched her new YouTube Channel, which features changemakers around the world who are making a positive impact to society and have an inspiring story to share. As a mentor and friend to many youths and aspiring entrepreneurs and social entrepreneurs, Elim inspires and encourages all to be 'changemakers' in their own fields.

Elim is humbled by awards for both her entrepreneurial and philanthropic efforts, such as Most Promising Woman Entrepreneur in 2001 by the Singapore Association of Small and Medium Enterprise, Montblanc Businesswoman of the Year 2002, Young Woman Achiever 2003 by Singapore Press Holdings and Singapore Promising Brand Award 2004. She is honoured as a Forbes Asia Hero of Philanthropy 2010 and early 2011, she received the Responsible Leadership Award and the Community Engagement Award from the Asia Responsible Entrepreneurship Awards 2010 and the Outstanding young Singaporean Award 2011 – Commendation. In the same year, she also became the recipient of the Singapore Public Service Medal (PBM) 2011.

Elim is also an advocate for social entrepreneurship in Singapore a movement of using business models to solve social issues to bring about sustainability to the marginalized. She believes that businesses can do well and do good at the same time to create a more sustainable, inclusive and a better world.



## TOPIK: BELIA SIAGA MASA DEPAN (Future Ready Youth)

### MODERATOR



Yang Mulia Dr. Katrina binti Dato Paduka Haji Mohd Daud, Penolong Professor, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam

### PANEL FORUM 1 (Akademik/ Belia)



Yang Mulia Ustazah Dr Hjh Ummy Fa'izah binti Hj Abdul Rahman, Pensyarah di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa

### PANEL FORUM 2 (Industri)



Yang Mulia Marzalinie binti Haji Omar, Pengarah Bahagian Strategi Tenaga Manusia, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian

### PANEL FORUM 3 (Wakil Pihak Kerajaan / Akademik)



Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh, Timbalan Menteri Pendidikan

### PANEL FORUM 4 (Belia)



Yang Mulia Awang Hamdi bin Matussin, Timbalan Ketua Pegawai Kreatif dan Pengasas Bersama, Mixed Media Worx

### PANEL FORUM 5 (Belia)



Yang Mulia Dr Ayyub bin Haji Kamaluddin, Jurutera Petroleum, Brunei Shell Petroleum Co Sdn Bhd [Sultan's Scholar, 2009–2018]

## TOPIK: PENGLIBATAN BELIA (Youth Participation)

### MODERATOR



Yang Mulia Pengiran Dr Noor Affizan binti PHA Rahman, Ophthalmologist/ Pengasas youcanlead.bn/ Nominee of Community spirits and Public service Women of the future awards 2019

### PANEL FORUM 1 (Wakil Pihak Kerajaan)



Yang Berhormat Iswandy bin Ahmad Ahli Majlis Mesyuarat Negara

### PANEL FORUM 2 (Persatuan/ NGOs)



Yang Mulia Mohammad Iqbal Fakhri bin Hj Awang Damit, Pengasas Bersama Hand4hand

### PANEL FORUM 3 (Belia)



Yang Mulia Dayang Siti Julaiha binti Puasa, Governor, Kelab Pemimpin Muda, UNISSA, dan Assistant Head, Syababul Iman Youth Group, Masjid Sultan Syarif Ali Kg Sengkurong

### PANEL FORUM 4 (Motivational)



Yang Mulia Awang Cikgu Bahri bin Bohari, Pegawai Pendidikan, Sekolah Rendah Dato Basir Kluster 3, Negara Brunei Darussalam

### PANEL FORUM 5 (Belia)



Yang Mulia Mohammad Anwar bin Haji Mohammad, Pengasas Society for Community Outreach and Training (SCOT)

## TOPIK: KEUSAHAWANAN (Entrepreneurship)

### MODERATOR



Yang Mulia Dr. Adna Shatiremie bin Haji Abd Rahman, Pengarah Projek Eksekutif Agenda Keusahawanan National

### PANEL FORUM 1 (Pakar Industri)



Yang Mulia Mrs. Dr Vanesa Teo,  
Pengasas dan Ketua Eksekutif  
AgromelQ International Sdn Bhd

### PANEL FORUM 2 (Usahawan)



Yang Mulia Mr. Nicky Wong, Pengasas dan  
Ketua Eksekutif QQestore, Gongcha, Pan &  
Wok dan Bake Culture

### PANEL FORUM 3 (Wakil Pihak Kerajaan/ Akademik)



Yang Mulia Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin  
Pengiran Haji Ali Hassan,  
Setiausaha Tetap (Perindustrian)  
Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga  
Manusia) dan Perindustrian

### PANEL FORUM 4 (Belia)



Yang Mulia Zul Amali bin Dato Paduka Haji Idris,  
Ketua Eksekutif Dart


## PENCERAMAH YOUTH ENTREPRENEUR TALK:



### AFIQ MOHAMMED

Pengasas EICO / Pengajar Utama untuk Startuo Weekend Brunei and ASEAN Rice Bowl Startup Awards Brunei

Afiq Mohammed, Founder of EICO as well as lead organizer for Startup Weekend Brunei supported by Google for Entrepreneurs and TechStars, Organizer and Project Manager for ASEAN Rice Bowl Startup Awards in Brunei Darussalam, Strategize marketing plans and create social media contents and developing business proposal.



### NAZURAH SALLEH

Pengasas Bersama Creative Group Brunei Darussalam

Nazurah Salleh, Co-Founder in Charge of Finance and Operation of the Company, Creative Group, Brunei Darussalam. A mentor to creative facilitators for the development of creative lesson plans for young children of aged 3 to 11 years old. She oversees the overall operation of the company that caters to providing creative learning programs to young children and monitor and planned the overall finances of the company.

Nazurah Salleh is also an English Tutor of Year 6 students under BIBD Alaf Program, Bank Islam Brunei Darussalam, Brunei Darussalam since April 2018.

## Ahli Jawatan Kuasa Tertinggi



# Jawatan Kuasa Tertinggi

Penasihat	Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Seri Paduka Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Paduka Seri Haji Abidin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
Pengerusi	Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Timbalan Pengerusi	Yang Mulia Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Setiausaha Bersama	Yang Mulia Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
	Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Ahli-Ahli	Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi Ahli Majlis Mesyuarat Negara  Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari Ahli Majlis Mesyuarat Negara  Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad Ahli Majlis Mesyuarat Negara

K B K 2 0 1 9

Ahli-Ahli	<p>Yang Mulia Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Tinggi) Kementerian Pendidikan</p> <p>Yang Mulia Timbalan Setiausaha Tetap [Perindustrian] Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian</p> <p>Yang Mulia Timbalan Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri</p> <p>Yang Mulia Pengarah Hal Ehwal Masjid Kementerian Hal Ehwal Ugama</p> <p>Yang Mulia Pengarah Pertanian Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan</p> <p>Yang Mulia Pengarah Infokomunikasi Kementerian Pengangkutan dan Info Telekomunikasi</p> <p>Yang Mulia Yang Di-Pertua Majlis Belia Brunei</p> <p>Yang Mulia Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah</p> <p>Yang Mulia Ketua Pegawai Eksekutif Brunei Economic Development Board</p> <p>Yang Mulia Wakil Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam Brunei Darussalam</p> <p>Yang Mulia Ketua Pegawai Eksekutif Bank Usahawan</p> <p>Yang Mulia Pengarah Urusan Brunei Shell Petroleum</p>
-----------	--


	<p>Yang Mulia Ketua Pegawai Eksekutif Progressif Cellular</p> <p>Yang Mulia Ketua Pegawai Eksekutif DST Communications Sdn Bhd</p> <p>Yang Mulia Ketua Pegawai Eksekutif Darussalam Enterprise</p>
Ketua Urus Setia Bersama	<p>Yang Mulia Dayang Zainab binti Morshidi Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan</p> <p>Yang Mulia Awang Haji Zafri bin Haji Mohamed Pemangku Pengarah Belia dan Sukan Jabatan Belia dan Sukan</p>

# UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi “KONGRES BELIA KEBANGSAAN 2019” sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja dan semua pihak termasuk agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, orang perseorangan, swasta serta orang ramai yang telah turut sama-sama dalam memberikan kerjasama dan sumbangan dalam menjayakan Kongres Belia Kebangsaan 2019 Negara Brunei Darussalam

KBK2019

# Rakaman Strategik



# Penaja

